

Akhbar Australia bebas bohong

BM 28 JUL 1991

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak boleh menerima kebebasan akhbar seperti di Australia yang bebas mencipta pelbagai pembongkaran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kebebasan akhbar tidak bermakna sesebuah akhbar boleh membuat serta menyiarkan cerita bohong semata-mata untuk memburukkan orang lain.

Beliau berkata, alasan mengenai kebebasan akhbar saja tidak mencukupi bagi Malaysia kerana perbuatan akhbar yang sengaja berbohong tidak bermakna kebebasan wujud.

"Kebebasan akhbar ialah untuk menceritakan apa yang benar. Tetapi, nampaknya di Australia, kebebasannya lebih daripada kebebasan biasa, iaitu kebebasan untuk mencipta bermacam-macam jenis pembongkaran.

"Ini kerajaan tidak perlu pertahankan dan inilah pendapat kita. Sama ada dia ber-setuju atau tidak, kita tidak peduli tetapi kita menganggap kebebasan akhbar tidak termasuk membuat cerita untuk memburukkan orang," ka-

tanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, semalam.

Perdana Menteri mengulas pertemuannya dengan Menteri Luar Australia, Senator Gareth Evans, Selasa lalu yang turut menyampaikan surat Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke kepadanya mengenai hubungan kedua-dua negara.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia tidak suka perbuatan akhbar menyiarkan laporan palsu, sebaliknya meminta mereka menjelaskan pandangan sebenar kedua-dua pihak.

"Kita sedar ada kebebasan akhbar di sana (Australia). Di Malaysia juga, kita ada kebebasan akhbar.

"Tetapi orang asing mengatakan kita tidak ada kebebasan akhbar kerana mereka mungkin cuma membaca akhbar The New Straits Times, Berita Harian atau Utusan Malaysia. Mereka tidak baca Harakah, Watan atau Rocket.

"Saya turut menjelaskan bahawa di England pun ada akhbar yang memihak kepada ke-

LIHAT MUKA 2

Kerajaan setuju cara Australia atasi masalah

BM 28 JUL 1991
DARI MUKA 1

rajaan dan ada akhbar yang tidak memihak kepada kerajaan. Hanya dengan adanya akhbar yang memihak kepada kerajaan di sini, tidak bermakna tidak ada kebebasan akhbar di Malaysia," katanya.

Mengenai hasil pertemuannya dengan Senator Evans sebagai wakil peribadi Encik Hawke, Perdana Menteri berkata bahawa Malaysia ber-setuju dengan cara penyelesaian kerajaan Australia untuk mengatasi masalah yang menimbulkan ketegangan dalam perhubungan di antara kedua-dua negara itu.

Ditanya mengenai cara penyelesaian berkenaan yang dicadangkan oleh Encik Hawke sendiri, beliau berkata:

"Antaranya ialah kerajaan Australia mengasingkan diri daripada apa yang dibuat oleh beberapa badan penyiaran di negara itu.

"Kerajaan Australia juga menjelaskan bahawa mereka akan berkecuali serta menjelaskan sebab-sebab mereka bersikap sedemikian."

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan perlu melihat perkembangan selanjutnya sebelum membuat sebarang keputusan.

Ini termasuklah mengadakan sebarang pertemuan selanjutnya berhubung dengan perkara itu.